

MOA adakan mesyuarat tentukan tindakan terhadap warga asing monopoli pasar borong

MERSING - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) akan mengadakan mesyuarat dengan beberapa kementerian dalam waktu terdekat bagi menentukan bentuk tindakan yang akan diambil terhadap peniaga warga asing yang mempunyai monopoli pasar borong.

Menterinya, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, kementerian itu ialah Kementerian Dalam Negeri, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna serta Kementerian Wilayah Persekutuan.

Beliau berkata, pihaknya akan bertindak segera dalam menangani isu terbabit, malah beliau juga telah menerima banyak laporan daripada peniaga dan masyarakat mengenai isu itu!

“Saya turut menyaksikan

sendiri hampir 100 peratus pasar borong dikuasai oleh peniaga warga asing dan ini tidak baik kepada perkembangan negara kerana ia menjelaskan pendapat golongan petani dan peniaga tempatan.

“Sebelum ini, satu jawatan kuasa khas bagi membincangkan perkara itu sudahpun wujud dan saya rasa kita perlu tunggu mesyuarat dalam masa terdekat untuk ambil tindakan sewajarnya,” katanya kepada pemberita selepas merasmikan Projek Kluster Nanas Lestari (KNAL) Tanah Abang di sini semalam.

Menurut laporan sebuah akhbar tempatan pada Isnin lepas, terdapat kebanjiran warga asing menguasai perniagaan di Pasar Borong Selayang, Kuala Lumpur tanpa adanya kawalan pihak berkuasa. - Bernama



Saya turut menyaksikan sendiri hampir 100 peratus pasar borong dikuasai oleh peniaga warga asing.”